



Wahyu diturunkan kepada Rasulullah ﷺ ketika baginda berusia 40 tahun

Dari Ibnu 'Abbas RA, beliau berkata: Wahyu diturunkan kepada Rasulullah ﷺ ketika baginda berusia 40 tahun. Baginda tinggal di Mekah selama 13 tahun, kemudian datang perintah keatasnya untuk berhijrah. Maka baginda berhijrah ke Madinah, tinggal di sana selama sepuluh tahun, dan kemudian wafat ﷺ.

[صحيح] [متفق عليه]

Ibn Abbas رضي الله عنهما menceritakan: Wahyu telah diturunkan kepada Rasulullah ﷺ dan Allah mengutus baginda ketika berusia 40 tahun. Baginda menetap di Mekah selama 13 tahun selepas turunnya wahyu. Kemudian, datang perintah ke atas baginda untuk berhijrah ke Madinah, lalu baginda menetap di sana selama 10 tahun. Selepas itu, baginda wafat ﷺ pada usia 63 tahun.

<https://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/65050>

النجاة الخيرية
ALNAJAT CHARITY

